

10 MAY 2003

Mahathir-Islam

KEMBANGKAN DAKWAH ISLAM PADA ORANG BUKAN ISLAM, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata orang Islam perlu memberikan penjelasan mengenai Islam kepada orang bukan Islam supaya mereka lebih memahami tentang agama itu.

Perdana Menteri berkata penjelasan tentang agama Islam amat penting pada masa ini berikutan gambaran buruk tentang Islam.

"Kalaupun tidak untuk (orang bukan Islam) menerima atau memeluk Islam, tetapi amat penting untuk menjelaskan apa dia Islam supaya hilang keraguan mereka, sangkaan buruk mereka terhadap agama Islam," katanya semasa berucap pada majlis makan malam perdana "Sekalung Budi Segunung Bakti" Pertubuhan kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) di sini.

Beliau berkata penjelasan tentang Islam penting kerana ramai orang bukan Islam tidak memahami langsung tentang Islam, malah menerima gambaran bahawa Islam adalah suatu agama yang ganas.

Katanya ini berlaku kerana pendakwah Islam tidak bersungguh-sungguh melaksanakan dakwah Islam.

Dr Mahathir berkata orang bukan Islam telah mendapat gambaran daripada musuh-musuh Islam bahawa Nabi Muhammad SAW yang membawa agama itu, didakwa sebagai ketua pengganas dan agama Islam hanya mendidik umatnya menjadi pengganas.

Perdana Menteri berkata Islam, yang telah berkembang selama 1,400 tahun di dunia ini, sebenarnya adalah agama keamanan yang berdasarkan Al Quran dan hadis sahih.

Malangnya, setelah Nabi Muhammad SAW wafat, pelbagai tafsiran mengenai agama Islam telah berlaku menyebabkan umatnya berpecah belah, bermazhab-mazhab dan kumpulan tertentu dengan tafsiran ajaran Islam yang berlainan sehingga bermusuhan antara satu sama lain, katanya.

Beliau berkata akibatnya, umat Islam menjadi lemah serta tidak mempunyai keupayaan mempertahankan diri kerana hanya memberi penekanan terhadap ilmu agama dan tidak kepada ilmu-ilmu lain yang penting.

"Apa yang terjadi sekarang ialah umat Islam lemah dalam ilmu-ilmu pengetahuan khususnya untuk tujuan mempertahankan diri sehingga menghalang mereka daripada mencapai kemajuan," katanya.

Sambil memberikan contoh bahawa Islam mengajar umatnya untuk mempertahankan diri semasa berperang dengan pasukan tentera berkuda menggunakan senjata, Dr Mahathir berkata umat Islam pada masa ini tidak mempunyai ilmu untuk mencipta senjata sendiri.

Sebaliknya, beliau berkata umat Islam, yang dahulunya mempunyai kepakaran dalam ilmu Matematik, Sains serta bidang lain, kini terpaksa bergantung kepada orang lain sehingga mereka ditekan dan dikalahkan.

Merujuk kepada pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq, beliau berkata ia merupakan bukti bagaimana lemahnya umat Islam sedangkan mereka dikurniakan dengan pelbagai kekayaan alam semulajadi seperti minyak untuk mempertahankan diri.

Dr Mahathir berkata umat Islam lebih banyak menyerah kepada takdir dan berdoa tanpa berusaha bersungguh-sungguh bagi memperbetulkan keadaan dan mengubah nasib, seperti yang dituntut oleh Islam.

Beliau berkata umat Islam tidak perlu bermusuh dengan orang bukan Islam, sebaliknya berbaik-baik dengan mereka dan berusaha untuk meningkatkan keupayaan diri sendiri.

"Jangan salahkan orang lain, sebaliknya salahkan diri sendiri jika kita terlalu lemah," katanya.

Perdana Menteri juga menyuarakan harapan supaya Perkim terus melaksanakan tanggungjawab mengembleng dan berdakwah berdasarkan ajaran Islam sebenar.

Pada majlis itu, Dr Mahathir yang juga Penaung Perkim, menerima sumbangan berjumlah RM1.5 juta daripada badan korporat bagi mengisi Tabung Perkim untuk melaksanakan pelbagai aktiviti dakwah dan kebajikan anjurannya.

Yang turut hadir pada majlis makan malam itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Yang Dipertua Perkim Tan Sri Patinggi Dr Abdul Taib Mahmud dan isteri, Datuk Amar Dr Laila Taib, yang juga Ketua Wanita Perkim Kebangsaan.

-- BERNAMA

HS HS LAT